



NEGERI PERLIS

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF PERLIS GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

---

Jil. 61  
No. 26

**20hb Disember 2018**

*TAMBAHAN*  
*No. 2*

---

---

**No. 94.**

UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN PERLIS  
(Perkara 37)

LAWS OF THE CONSTITUTION OF PERLIS  
(Article 37)

PELANTIKAN MENTERI BESAR

APPOINTMENT OF THE MENTERI BESAR

Menurut kuasa yang diberi oleh Perkara 37(1) Undang-undang Tubuh Kerajaan Perlis, Duli Yang Maha Mulia Tuanku Raja Perlis berkenan melantik Dato' Seri Azlan bin Man, seorang Ahli Dewan Undangan Negeri Perlis, menjadi Menteri Besar bagi Negeri Perlis berkuat kuasa mulai 24 Mei 2018.

By virtue of the powers conferred by Article 37(1) of the Laws of the Constitution of Perlis, His Royal Highness the Raja of Perlis hereby appoints Dato' Seri Azlan bin Man, a member of the State Legislative Assembly of Perlis, to be the Menteri Besar for the State of Perlis with effect from 24 May 2018.

Bertarikh 17 Disember 2018

Dated 17 December 2018  
[SUK.Ps. 05/396]

NORAZLAN BIN YAHAYA  
*Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan*  
*Perlis*  
*Secretary of the State Executive Council*  
*Perlis*

ENAKMEN LENGKONGAN SIMPANAN 1353  
(Enakmen No. 7 tahun 1353)

THE RESERVATIONS ENACTMENT 1353  
(Enactment No. 7 of 1353)

**No. 95.**

PERISYTIHARAN DI BAWAH SEKSYEN 3

DECLARATION UNDER SECTION 3

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 3(i) Enakmen Lengkongan Simpanan 1353, Raja dalam Mesyuarat mengisytiharkan tanah seperti yang tersebut dalam Jadual di bawah menjadi Kawasan Lengkongan Simpanan.

In exercise of the powers conferred by subsection 3(i) of the Reservations Enactment 1353, the Ruler in Council declares the land as stated in the Schedule below to be a Reservation Area.

JADUAL/SCHEDULE

Daerah/*District*—Perlis. Mukim/*Mukim*—Beseri. No. P.T./*P.T. No.*—7939.  
Keluasan/*Area*—0.2171 hektar/*hectares*.

Bertarikh 19 Disember 2018

Dated 19 December 2018

[PTG.Ps.(R) 10/2011 F 008; PUN.Ps. 0023 Jld. 9]

NORAZLAN BIN YAHAYA

*Setiausaha Dewan Undangan Negeri  
Perlis/*

*Secretary of State Legislative Assembly  
Perlis*

**No. 96.**

PEMBATALAN DI BAWAH SEKSYEN 4

REVOCATION UNDER SECTION 4

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 4(i) Enakmen Lengkongan Simpanan 1353, Raja dalam Mesyuarat mengisytiharkan tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah dibatalkan dari menjadi sebahagian daripada Kawasan Lengkongan Simpanan.

In exercise of the powers conferred by subsection 4(i) of the Reservations Enactment 1353, the Ruler in Council declares the land stated in the Schedule below to be revoked from forming parts of the Reservation Area.

## JADUAL/SCHEDULE

Daerah/*District*—Perlis. Mukim/*Mukim*—Kechor. No. Lot/*Lot No.*—1809.  
Keluasan/*Area*—0.1848 hektar/*hectares*.

Bertarikh 19 Disember 2018

Dated 19 December 2018

[PTG.Ps.(R) 10/2011 F 008; PUN.Ps. 0023 Jld. 9]

NORAZLAN BIN YAHAYA  
*Setiausaha Dewan Undangan Negeri  
Perlis/  
Secretary of State Legislative Assembly  
Perlis*

**No. 97.**

KANUN TANAH NEGARA  
(Akta 56 tahun 1965)

NATIONAL LAND CODE  
(Act 56 of 1965)

NOTIS CADANGAN PEMBATALAN PERIZABAN TANAH DI BAWAH SEKSYEN 64

NOTICE OF PROPOSED REVOCATION OF RESERVATION OF LAND  
UNDER SECTION 64

Bahawasanya dengan Pemberitahuan No. 10/2015 yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Negeri Perlis* pada 15 Januari 2015, Pihak Berkuasa Negeri pada menjalankan kuasa di bawah seksyen 62 Kanun Tanah Negara [*Akta 56 tahun 1965*] telah merizabkan tanah yang diperihalkan dalam Jadual bagi maksud awam, iaitu, suatu tapak untuk Baitul Hilal dan telah menetapkan bahawa Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis hendaklah mempunyai kawalan terhadap tanah rizab tersebut dan bahawa tanah rizab tersebut hendaklah diselenggarakan oleh Sahibus Samahah Mufti Kerajaan Negeri Perlis.

Dan bahawasanya didapati suaimanfaat sekarang oleh Pihak Berkuasa Negeri supaya perizaban tanah tersebut hendaklah dibatalkan.

Maka oleh yang demikian, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 64(1) Kanun Tanah Negara, Pihak Berkuasa Negeri memberi notis di bawah subseksyen 64(2) Kanun itu berkenaan dengan cadangan untuk membatalkan perizaban tanah tersebut dan jika sesiapa yang berhajat untuk mengemukakan apa-apa bantahan terhadap cadangan pembatalan ini akan didengar di dalam satu siasatan yang akan diadakan pada 31 Disember 2018 jam 9.00 pagi di Jabatan Tanah dan Galian Negeri Perlis.

Whereas by Notification No. 10/2015 published in the Perlis Government *Gazette* on 15 Januari 2015, the State Authority in exercise of the powers under section 62 of the National Land Code [*Act 56 of 1965*] has reserved the land described in the Schedule for a public purpose, to wit, a site for Baitul Hilal and has designated that the State Secretary of Perlis shall have control of the said reserved land and that the said reserved land shall be maintained by the Sahibus Samahah Mufti Kerajaan Negeri Perlis.

And whereas it now appears expedient to the State Authority that the reservation of the said land should be revoked.

Now therefore, in exercise of the powers conferred under subsection 64(1) of the National Land Code, the State Authority gives notice under subsection 64(2) of the said Code, of the proposal to revoke the said reservation and that any person who desires to show cause against such revocation, will be heard at an enquiry to be held on 31 December 2018 at 9.00 a.m. at the Land and Mines Department of Perlis.

JADUAL/SCHEDULE

Daerah/*District*—Perlis. Mukim/*Mukim*—Sanglang. No. Lot/*Lot No.*—5665. Keluasan/*Area*—4.615 hektar/*hectares*.

Bertarikh 17 Disember 2018

Dated 17 December 2018

[PTG.Ps.(AD) 614; PUN.Ps.(AD) 0096; PUN.Ps. 0023 Jld. 9]

NORAZLAN BIN YAHAYA  
*Setiausaha Dewan Undangan Negeri  
Perlis/  
Secretary of State Legislative Assembly  
Perlis*

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD  
CAWANGAN ALOR SETAR  
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA